



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI
PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI
KALI KE-218 BIL. 25/2026

**PENGESAHAN TAWARAN KEMASUKAN KE KOLEJ KEDIAMAN PADA SESI AKADEMIK
2026/2027 DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH BAGI PELAJAR
KATEGORI LALUAN KHAS DAN LAIN-LAIN PELAJAR (BERDASARKAN KEDUDUKAN NILAI
MATA ADAB)**

Assalamualaikum w.b.t & Selamat Sejahtera

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Pengurusan Universiti telah pun bersetuju untuk meminda polisi berkaitan keutamaan pelajar untuk menginap di kolej-kolej kediaman yang disediakan oleh pihak universiti seperti berikut:-

- a. Memberikan keutamaan hanya kepada **tujuh (7) kategori pelajar laluan khas** untuk memohon bagi kemasukkan ke kolej kediaman di dalam universiti. Senarai tujuh (7) kategori pelajar laluan khas adalah seperti berikut:-
 - i. Pelajar Ijazah Dual
 - ii. Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), UMPSA
 - iii. Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman (PEKA)
 - iv. Orang Kurang Upaya (OKU)
 - v. Orang Asal
 - vi. Pelajar Ulul Albab
 - vii. Badan Beruniform

Bagi melayakkan pelajar kategori ini mendapat penempatan di kolej-kolej kediaman, pelajar perlu melengkapkan permohonan di dalam sistem yang disediakan berdasarkan pada tarikh yang telah ditetapkan.

3. Manakala bagi kategori lain-lain pelajar (berdasarkan kedudukan nilai mata ADAB), pelajar boleh membuat semakan nilai mata dan kedudukan *college ranking* melalui Sistem MY Gading bermula pada **16 Julai 2026**. Pelajar yang berjaya (tagging bewarna hijau) boleh membuat permohonan mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

4. Berikut adalah **tarikh-tarikh penting bagi permohonan dan pengesahan pelajar** untuk menginap di Kolej-Kolej Kediaman Universiti seperti berikut:-

i. **Bagi Tujuh (7) kategori Pelajar Laluan Khas**

Tarikh Permohonan Dibuka:

	KATEGORI	TARIKH
Pelajar Laluan Khas	Pelajar Ijazah Dual	16 Jun 2026
	Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), UMPSA	
	Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman (PEKA)	
	Orang Kurang Upaya (OKU)	
	Orang Asal	
	Pelajar Ulul Albab	
	Badan Beruniform	
	Semua Kategori	18 Jun 2026
Permohonan Berdasarkan Ranking ADAB Point (Lain-Lain Pelajar)	Pelajar kampus Gambang	22 – 24Jun 2026
	Pelajar Kampus Pekan	25 – 28 Jun 2026

*** Permohonan dibuka secara dalam talian bermula pada jam 9.00 pagi sehingga 11.30 malam**

5. **Pelajar yang terlibat akan menerima emel penawaran daripada pihak universiti** yang akan meminta **pelajar membuat permohonan kolej kediaman (sekiranya pelajar berminat menerima tawaran) bagi Sesi Akademik 2026/2027** melalui **Sistem My Gading** ([Login Page](#)) mengikut tarikh yang ditetapkan seperti di atas.

6. Pelajar yang tidak melengkapkan permohonan melalui Sistem MY Gading selepas tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berminat dan tawaran ini adalah terbatal tanpa sebarang notis dari pihak pentadbiran.

PERINGATAN:

- Bagi pelajar yang telah memilih untuk menginap di Kolej-Kolej Kediaman UMPSA bagi Sesi Akademik 2026/2027, **pihak universiti akan menganggap bahawa saudara/saudari telah bersetuju untuk menginap di Kolej Kediaman yang disediakan oleh pihak universiti dan caj bayaran penuh penginapan asrama akan dikenakan kepada pelajar pada Semester 1, Sesi Akademik 2026/2027** nanti. Tiada pemulangan yuran penginapan akan diberikan pada tempoh tersebut.
- Permohonan **selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.**
- Penempatan adalah **tertakluk kepada kekosongan dan kriteria pemilihan** yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh menghubungi : residen@umpsa.edu.my. Sekian, harap maklum.

Pusat Perkhidmatan Pelajar

Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
Tarikh : 15 Jun 2026